UUM/AA49/MM/17.07.2005/P: 4(4)

Keputusan tidak popular bawa faedah besar

MM 17/7/05 4:4

KUALA LUMPUR 16 Julai – Beberapa keputusan 'tidak popular' dan dianggap tidak bermaruah yang dibuat oleh pemimpin Melayu ketika menuntut kemerdekaan dahulu kini terbukti memberikan faedah besar kepada bangsa Melayu.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Datuk Nordin Kardi berkata, antara keputusan itu termasuk menolak pendekatan perang untuk mendapatkan kemerdekaan, sebaliknya pemimpin terbabit memilih untuk berunding.

Menurutnya, ia berbeza dengan beberapa negara lain pada masa itu seperti India dan Indonesia yang memilih untuk berperang bagi mendapatkan kemerdekaan tapi akhirnya menyebabkan negara terbabit berpecah dan porak-peranda.

Tambahnya, pemimpin Melayu pada masa itu diibaratkan sebagai pengurus kepada perniagaan membabitkan kepentingan orang Melayu yang perlu membuat pilihan yang boleh menguntungkan bangsa itu.

"Semasa nak merdeka, pemimpin Melayu terpaksa memilih sesuatu yang boleh dijadikan modal untuk orang Melayu hari ini dan mereka memilih kos minimum untuk hasil yang maksimum.

"Maksudnya, bagi mendapatkan kemerdekaan, pengurus ini telah memilih untuk menjual kos kematian orang Melayu dengan tidak mahu berperang tetapi melalui meja perundingan," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Agenda Melayu Dalam Pengurusan Politik pada Seminar Agenda Melayu di sini, hari ini.

Seminar anjuran Pertubuhan Alumni Kelab-Kelab UMNO Luar Negara itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak dan dihadiri kira-kira 800 peserta.

Nordin berkata, ekoran daripada keputusan itu juga telah membawa kepada dasar perkongsian kuasa antara kaum Melayu dan kaum minoriti lain di negara ini termasuk Cina dan India.

Menurutnya, ini terbukti pada Pilihan Raya Umum 1955 apabila UMNO menyerahkan sejumlah 15 kerusi kepada MCA dan dua kerusi kepada MIC walaupun kedua-dua parti itu hanya layak mendapat dua kerusi.

"Bagaimanapun, hasil daripada tolak ansur UMNO ini membolehkan peruntukan sebanyak RM16 bilion diberikan kepada Mara dan RM1 bilion kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) bagi setiap tiga tahun tanpa mendapat bantahan atau dipersoalkan oleh kaum lain," katanya.

Nordin memberitahu, satu lagi pilihan yang dibuat oleh pemimpin Melayu pada itu yang dianggap 'luar biasa' ialah dasar berbaik dengan negara yang pernah menjajah negara ini iaitu British.

Katanya, dasar berbaik dengan bekas penjajah memberikan faedah kepada bangsa Melayu apabila British pada masa itu bersetuju memberikan biasiswa kepada anak-anak Melayu untuk melanjutkan pelajaran di England.

Jelasnya, kumpulan anak-anak Melayu inilah yang bertanggungjawab mengasaskan sistem pentadbiran negara setelah mereka pulang ke tanah air.

"Dulu keputusan ini mungkin dianggap tidak bermaruah tapi hari ini, kita berjaya menewaskan British dalam pelbagai bidang termasuk bidang pengurusan perniagaan yang mana Malaysia berada di kedudukan keempat, manakala British di tempat ketujuh," jelasnya.

Persoalannya sekarang, kata Nordin, adakah pengurus politik Melayu semasa mempunyai kebijaksanaan seperti yang dimiliki oleh pemimpin Melayu terdahulu dalam memperjuangkan agenda kepentingan orang Melayu.